

26 JUN 2002

UMNO DAN BN JOHOR JELASKAN KEPADA RAKYAT PROSES PERALIHAN KUASA

JOHOR BAHRU, 26 Jun (Bernama) -- Umno dan Barisan Nasional Johor akan memberi penjelasan kepada semua anggota parti mengenai proses peralihan kepimpinan parti dan kerajaan berikutan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengundur diri Oktober tahun depan.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Badan Perhubungan Umno Negeri dan BN Negeri akan memberi penjelasan kepada semua bahagian parti dan parti-parti komponen untuk disampaikan kepada anggota peringkat akar umbi dan rakyat.

"Saya percaya ahli parti dan rakyat amat menghargai pendekatan yang diambil dan kami yakin perpaduan dapat digembleng daripada sokongan ahli parti terhadap proses peralihan kuasa ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan juga BN Johor, berkata keputusan Dr Mahathir untuk bersara dalam tempoh yang telah dicadangkan oleh beliau bermakna bahawa beliau prihatin terhadap harapan parti dan juga rakyat agar terus berkhidmat sebagai presiden parti dan Perdana Menteri hingga akhir tahun depan.

Abdul Ghani juga berkata Umno dan BN Johor mempunyai keyakinan penuh terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti bila tiba masanya kelak.

-- BERNAMA

MNY MAI